

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERSIDANGAN DWI TAHUNAN NCWO YANG KE-12
Lokasi : KELAB SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
Tarikh : 04-11-1989

Dif-dif Kehormat; Puan-puan sekalian.

Saya merasa amat gembira dapat bersama-sama dengan puan-puan dalam Persidangan Dwi Tahunan Perwakilan Majlis Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Kebangsaan (NCWO) pada hari ini. Pada tahun lepas NCWO telah merayakan ulangtahun Jubli Peraknya. Perayaan tersebut telah memperkenalkan kita kepada kejayaan-kejayaan NCWO yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Kekuatan dan kejayaan NCWO terletak di atas usaha semua gabungan, baik daripada pertubuhan-pertubuhan yang kecil, mahupun pertubuhan-pertubuhan yang besar.

2. Antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh NCWO, ialah usaha-usaha mewujudkan hubungan yang erat dan kukuh di antara rakyat di negara ini. Ianya amatlah penting bagi kesejahteraan, keamanan, kemajuan dan kemakmuran negara. Negara ini memerlukan penglibatan yang aktif dan dedikasi daripada setiap wanita. Sebagai seorang wanita, kita mestilah menjadi pendidik, kerana daripada kitalah seseorang kanak-kanak mula-mula menerima asuhan mengenai kasih sayang, keadilan, kesaksamaan, belas kasihan terhadap orang yang daif dan untuk berkhidmat kepada rakyat.

Puan-puan sekalian,

3. Adalah penting bagi wanita menyedari betapa perlunya untuk mereka terus maju ke hadapan bersama-sama dengan kaum lelaki. Memang tidak dapat disangkalkan lagi peranan dan tanggungjawab mereka sebagai isteri, ibu dan sebagai suri rumah. Di samping itu, mereka harus menyediakan diri mereka untuk menyahut panggilan pertiwi dan melibatkan diri dalam berbagai aktiviti.

4. Saya berasa sukacita kerana hasil daripada 'Persidangan Akhir Dekad Untuk Wanita' di Nairobi, Kenya, NCWO telah dapat memainkan peranannya ke arah merumuskan rasional- rasional, prinsip-prinsip dan syor-syor yang kini menjadi memorandum 'Dasar Wanita Negara'. Saya diberitahu bahawa 'Dasar Wanita Negara' ini, adalah berdasarkan kepada tujuan- tujuan dan objektif-objektif utama yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Dato Seri Rafidah Aziz dalam laporannya di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

5. Saya juga telah diberitahu bahawa NACIWID telah menyiapkan cadangan-cadangannya, termasuklah beberapa pandangan dan syor daripada memorandum NCWO. Saya percaya tujuan utama untuk meningkatkan lagi penglibatan wanita dalam semua rancangan pembangunan, sepertimana yang terdapat dalam cadangan tersebut akan tercapai.

6. Semenjak negara kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan telah melaksanakan berbagai rancangan dengan membuka lebih luas lagi peluang-peluang untuk meningkatkan taraf dan penglibatan wanita. Semenjak tertubuhnya NCWO, badan ini telah dapat memainkan peranannya ke arah perubahan-perubahan ini.

Puan-puan sekalian,

7. 'Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Asean' atau ACWO, tetap menjadi alat yang berkesan. Melaluinya, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs) telah dapat mengendalikan program-program dan tindakan-tindakan bersama mereka. Kerjasama NCWO-NCWO dari negara-negara Asean ini adalah penting untuk kebaikan kaum wanita di masa hadapan.

8. Penglibatan NCWO dalam hal-ehwal serantau dan antarabangsa telah diiktiraf selaras dengan dasar-dasar Kerajaan. Berbagai rancangan Majlis ini, sebenarnya akan membawa manfaat kepada kaum wanita negara kita. Penglibatan aktif NCWO dalam ACWO haruslah diiktiraf sebagai menambahkan lagi sumbangan positif Malaysia terhadap Asean.

Puan-puan sekalian,

9. Kedudukan serta peranan wanita dalam usaha ke arah keamanan hendaklah diperkukuhkan lagi, baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Daripada peranan mereka dalam rumahtangga, dan kini dalam hal-ehwal masyarakat yang progresif, wanita sememangnya sedar akan implikasi-implikasi keamanan dan betapa bergantungnya nasib dunia dan generasi masa hadapan kita kepada keamanan. Ini adalah satu amanah yang suci, dan wanita haruslah komited dan berdedikasi ke arah ini. Setiap sumbangan terhadap keamanan haruslah diterima dengan baik oleh semua.

10. Berbagai tragedi yang dialami oleh banyak negara seperti huru-hara, peperangan dan sebagainya, harus membuka fikiran untuk kita bersama-sama berdiri kukuh mempelopori perpaduan, keamanan, keadilan, kemajuan dan kemakmuran semua rakyat. Sementara kita menyedari betapa perlunya kemajuan dan pembangunan material, kita juga memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh daripada seluruh lapisan rakyat untuk memastikan bahawa keamanan dan perpaduan tetap terjamin.

Para hadirin sekalian,

11. Pada hari ini, kita berkumpul untuk sama-sama menilai kemajuan yang dicapai oleh NCWO bagi tempoh dua tahun yang lepas, dan yang berorientasikan rancangan masa hadapan untuk memajukan lagi pergerakan wanita. Sememangnya masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk bangsa dan negara kita.

Tidak ada negara yang boleh tinggal statik. Kebekuan bererti kemunduran.

12. Justeru itu, kita hendaklah sama-sama berganding tangan dengan kaum lelaki untuk berusaha demi masa hadapan generasi muda kita agar lebih terjamin. Badan-badan gabungan NCWO harus memperkuatkan lagi diri mereka dengan keazaman dan dedikasi untuk memberi khidmat yang berkesan kepada kaum wanita. Ini mungkin memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan wang.

13. NCWO sebagai Majlis penasihat dan perunding pasti akan meneruskan khidmatnya untuk negara malah rantau Asean sekiranya diperlukan, serta arena antarabangsa dengan penuh tanggungjawab berdasarkan objektif-objektif ini: iaitu perpaduan, keamanan, kemajuan, kemakmuran, hormat menghormati, perhatian bagi golongan yang daif dan yang memerlukan tindakan kita. Bergeraklah ke abad kedua puluh satu dengan kesedaran bahawa kita mesti mencapai kedudukan yang sama taraf, iaitu perkongsian peranan yang sama dengan lelaki dalam semua bidang aktiviti dan pembangunan.

Para hadirin sekalian,

14. Negara kita telah menjadi tuan rumah kepada dua perjumpaan besar pernah diadakan di negara ini, yang mana ianya telah mengharumkan nama negara dan rakyat Malaysia.

15. Pada bulan Ogos lalu, Malaysia telah menjadi tuan rumah Sukan SEA XV. Bersama-sama dengan kaum lelaki, kaum wanita telah merebut pingat-pingat emas, perak dan gangsa dengan begitu banyak dan dengan kebolehan yang setanding dengan athlit-athlit dari negara lain. Dengan adanya latihan yang sistematik, disiplin yang tinggi dan sikap dedikasi kepada negara, athlit wanita kita telah muncul sebagai juara dalam bidang sukan masing-masing. Kita semua berasa bangga dan mengucapkan tahniah dan syabas.

16. CHOGM baru sahaja tamat dengan sempurna dan jayanya.

Syukur alhamdulillah, kerana kejayaan CHOGM bererti kejayaan bukan sahaja Kerajaan bahkan semua lapisan rakyat Malaysia yang memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan Persidangan yang terbesar pernah diadakan di negara kita. Ratusan wanita, termasuk kanak-kanak dan pelajar-pelajar dan golongan profesional telah sama-sama terlibat menjayakan persiapan dan perjalanan CHOGM ini.

17. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah kesedaran mereka semua bahawa nama dan imej negara amatlah penting diharumkan dan dipertahankan melalui sikap bekerjasama, perpaduan, sopan santun dan yang penting sekali ialah sikap taat setia melakukan sesuatu tugas demi bangsa dan negara.

18. Oleh kerana banyak pertubuhan wanita dan kumpulan profesional wanita terlibat dalam persediaan CHOGM, khasnya dalam Program Isteri Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat kerana melakukan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan begitu cemerlang.

19. Kedua-dua peristiwa ini membuktikan bahawa kaum wanita boleh bertugas dengan efektif bersama-sama dengan kaum lelaki tanpa menjejaskan kewanitaan masing-masing. Kita amat bergembira dengan pujian yang diberi oleh Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel dan isteri mereka. Tetapi tidak lebih bersyukur saya apabila mereka menyatakan "your ladies are forever smiling and so polite".

Puan-puan yang dihormati sekalian.

20. Pertubuhan-pertubuhan wanita baru sahaja meraikan Yang Berbahagia Dato Zakiah Hanum di atas penganugerahan Hadiah Ramon Magsaysay 1989 kerana khidmat cemerlang beliau dalam bidang arkib di negara ini. Beliau adalah wanita pertama di Malaysia bahkan di rantau ini yang dikurniakan dengan hadiah yang amat prestigious ini. Sebagai wanita, kita turut berbangga di atas kejayaannya kerana kita akan dihormati di seluruh dunia.

21. Sememangnya negara kita banyak mempunyai 'first timers' dalam berbagai bidang semenjak mencapai kemerdekaan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan seorang lagi 'first timer' antara kaum wanita negara ini di peringkat kebangsaan.

22. Beliau ini dilahirkan di Johor tetapi penghidupan beliau lebih banyak di negeri-negeri lain di Semenanjung dan begitu juga perkembangan politik beliau yang bermula di Johor hanya sebagai Setiausaha Pergerakan Kaum Ibu UMNO Johor sahaja, tetapi meningkat setapak demi setapak hingga menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri Perak dan akhirnya sebagai Ahli Parlimen di Negeri Kedah dan Ahli Majlis Tertinggi UMNO.

23. Pada tahun 1969, beliau dilantik sebagai menteri wanita yang pertama dalam Kerajaan. NCWO harus berbangga kerana menteri wanita pertama ini adalah pengasas Pertubuhan NCWO dan Yang di-Pertuanya yang pertama pada tahun 1965.

Para hadirin sekalian,

24. Tidak asing lagi wanita ini ialah Yang Berbahagia Tan Sri Fatimah Hashim. Berjiwakan kebajikan, pendidikan dan sukarelawan, Tan Sri Fatimah adalah pejuang hak-hak wanita di negara ini melalui jawatan-jawatan politiknya sebagai Ketua Wanita UMNO, Ahli Dewan Rakyat dan Menteri Kebajikan dan melalui jawatannya dalam NCWO.

25. Saya diberitahu bahawa Yang Berbahagia Tan Sri Fatimah akan bersara daripada jawatannya sebagai Yang di-Pertua NCWO. Wajarliah NCWO menghormati dan memperingati jasa-jasa beliau ini. Saya mengucapkan tahniah dan setinggi penghargaan di atas usaha beliau sebagai pejuang hak-hak wanita selama ini dan mendoakan semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala akan sentiasa mengurniakan kesejahteraan dan rahmat bahagia kepada beliau serta keluarganya.

26. Saya juga berharap usaha-usaha memperbaiki dan meninggikan taraf kaum wanita akan terus diusahakan dan saya harap cara-cara ini akan dibincangkan juga dalam Mesyuarat Agung ini nanti.

27. Dengan harapan bahawa NCWO akan terus berkembang dan berusaha membantu pembangunan wanita saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Dwi Tahunan Perwakilan NCWO dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.